

22 FEB 2001

Pemuda - Perpaduan

PERGERAKAN PEMUDA TERUS SOKONG USAHA PERPADUAN MELAYU

MELAKA, 22 Feb (Bernama) -- Pemuda Umno akan terus menyokong usaha murni menyatukan Melayu walaupun ada golongan tertentu yang mewujudkan segala bentuk tentangan dan halangan, kata ketuanya Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

"Sekiranya ada pertimbangan tawar-menawar dalam menyatupadukan orang Melayu, yang menjadi mangsa ialah bangsa Melayu itu sendiri," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pergerakan Pemuda Umno di Graha Umno Melaka di sini petang ini.

Beliau berkata hasrat Umno adalah ikhlas dalam mengadakan pertemuan dengan Pas berhubung perpaduan dan meminta parti pembangkang itu tidak melihat pertemuan itu bersandarkan fikiran sempit.

"Kita cuba sedaya upaya untuk melihat pertemuan itu dapat diadakan walaupun syarat-syarat yang diletakkan oleh Pas boleh menjejaskan hasrat jawatankuasa teknikal untuk mengaturkan perjumpaan itu," katanya.

Ketika ditanya apakah langkah yang akan diambil oleh Pemuda Umno sekiranya pertemuan itu tidak menjadi kenyataan, Hishammuddin berkata pemuda akan membuat pendirian pada masa dan ketika itu.

Hishammuddin berkata Pemuda Umno akan mendengar amanat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada satu perhimpunan menjelang persidangan pemuda di bahagian-bahagian.

Perhimpunan khas itu yang diadakan pada penghujung Mac juga bagi memastikan pertandingan di bahagian-bahagian berjalan lancar.

"Daripada pemantauan kita, 60 peratus mereka yang akan bertanding di peringkat pemuda ialah muka baru," katanya.

Beliau juga berkata Pemuda Umno akan berusaha bersungguh-sungguh dalam menangani isu-isu rakyat.

" Ia bagi memastikan perjuangan pemuda bersandarkan kepada pembelaan kepada rakyat dan orang ramai," katanya.

-- BERNAMA

NO MAI